

Headline	<b>Negara sasar 21% daging kambing tempatan 2010</b>		
Date	<b>17. Jun 2008</b>	Language	<b>MALAY</b>
Media Title	<b>Utusan Malaysia</b>	Page No	<b>16</b>
Section	<b>Dlm Negeri</b>	Article Size	<b>494 cm<sup>2</sup></b>
Circulation	<b>238082</b>	Frequency	<b>Daily</b>
Readership	<b>833287</b>	Color	<b>Full Color</b>



# **Negara sasar 21% daging kambing tempatan 2010**



SEBAHAGIAN peserta yang berjaya menamatkan Bengkel Keusahawanan Kambing bersama Mega-Utusan Malaysia di Sepang Sabtu lalu.

Oleh THOMAS CHONG

Headline **Negara sasar 21% daging kambing tempatan 2010**  
Date **17. Jun 2008**  
Media Title **Utusan Malaysia**

**SEPANG** 16 Jun – Malaysia dijangka mampu mencapai sasaran menghasilkan sebanyak 21 peratus daging kambing tempatan menjelang tahun 2010, kata Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Dr. Ibrahim Che Embong.

Beliau berkata, sasaran itu mampu dicapai berdasarkan populasi kambing di negara ini meningkat secara drastik sejak tiga tahun lepas.

"Buat masa ini, penternak kambing tempatan hanya mampu menghasilkan sebanyak 7 peratus daripada keperluan daging kambing di negara ini dan bakinya diimport dari luar negara.

"Sasaran kami ialah jumlah itu mencapai 21 peratus menjelang tahun 2010 dan saya yakin ia dapat dicapai" katanya kepada *Utusan Malaysia* selepas merasmikan bengkel usahawan kambing *Mega-Utusan Malaysia* di Inap Desa Banghuris dekat simi kelmarin.

Seramai 150 peserta menghadiri bengkel selama dua hari tersebut yang dianjurkan bersama Perfect Agro Sdn. Bhd., Agro Bank dan Pusat Pengembangan, Keusahawanan dan Pemajuan Profesional (APE-EC), Universiti Putra Malaysia (UPM).

Menariknya, peserta yang terdiri dari pelbagai kaum akan menginap bersama keluarga angkat di Inap Desa Banghuris sepanjang bengkel itu dijalankan.

Beliau berkata, buat masa sekarang, kebanyakan daging kambing diimport dari Australia, New Zealand, China, Thailand dan Indonesia.

"Kambing diimport menggunakan dua cara iaitu mengimport daging yang dibekukan dan mengimport kambing hidup yang akan disembelih di negara ini," katanya.

Ibrahim berkata, rakyat digalakkan menternak kambing kerana ternakan itu menjanjikan pulangan yang lumayan ke-

pada penternaknya.

"Penternak boleh mendapatkan keuntungan dengan menghasilkan baka kambing untuk dijual atau menyembelih kambing yang dibela untuk hasilkan daging.

"Selain itu, penternak juga boleh mengajar orang lain bagaimana menternak kambing seperti yang dijalankan *Mega-Utusan Malaysia* dengan rakan strategiknya pada hari ini," katanya.

Beliau berkata, kerajaan pada masa yang sama menggalakkan rakyat menternak kambing secara sepenuh masa.

"Kira-kira 65 peratus penternak mengusahakan ternakan kambing secara sambangan dan saya berharap lebih ramai akan menternak secara sepenuh masa," katanya.